



Dr Mahathir bersama Dr Siti Hasmah serta Syed Saddiq (kiri), Ahmad Nizam (dua dari kiri) dan Wan Zulkiflee (empat dari kanan) di Kuala Lumpur, malam tadi.

Dr Mahathir lancar filem UNI terbitan PETRONAS

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad malam tadi melancarkan filem web berjudul *UNI* terbitan PETRONAS sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi PETRONAS, Datuk Ahmad Nizam Salleh; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin serta Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

Pelancaran filem web itu juga sempena konsert sambutan Ulang Tahun Ke-45 PETRONAS.

Filem web itu yang dipertontonkan secara langsung sempena konsert berkenaan mengetengahkan elemen 'Malaysia mini', yang memaparkan kehidupan di kampus yang mempunyai pelbagai kaum, bahasa dan nilai murni.

Kisah itu juga satu refleksi sambutan perayaan PETRONAS 2019

yang bertemakan 'Anugerah Kita' untuk memupuk rasa bangga sebagai rakyat Malaysia.

UNI menceritakan dua penuntut universiti, Roger Junior Buang dari Sabah yang pemalu dan Rizwan dari Kedah yang lebih menyerlah peribadinya.

Roger sedaya upaya cuba menyesuaikan diri dengan kehidupan kampus, namun sering kali menjadi sasaran kenakalan Rizwan.

Mereka berdua diarahkan untuk satu tugas kumpulan, namun membuat keputusan untuk menyiapkan tugas itu secara bersendirian.

Atas arahan tegas pensyarah, akhirnya mereka terpaksa menyudahkan tugas itu bersama-sama, pada waktu cuti semester.

Dari situlah Roger dan Rizwan mula mengenali hati budi masing-masing dan menjadi sahabat baik.